



جَبَاتُخَالِطُوا مِنْ كُلِّ أَمْرٍ

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

29 SYAABAN 1443H / 01 APRIL 2022M

TETAMU MULIA BERKUNJUNG TIBA

Disediakan oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh **Imam Qariah** atau **Imam Rawatib** yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Sepanjang tempoh PKP, khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.

KHUTBAH TELAH DISEMAK

TARIKH DISEMAK :

PEGAWAI PENYEMAK :

ADAM BIN ABDUL HAI
Unit Baitul Hikmah
Bahagian Penyelidikan Dan Informasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

KHUTBAH RASMI JHEAINS

DILULUSKAN PADA : 28/3/2022

DIBACA PADA : 01/04/2022

DILULUSKAN OLEH :

BAHARUDIN HJ. ALWI
Ketua Penolong Penguruh
Bahagian Penyelidikan & Informasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

KHUTBAH PERTAMA

TETAMU MULIA BERKUNJUNG TIBA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ

تَتَّقُونَ ﴿١٨﴾

أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسِّلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَاهُ بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيْكُمْ وَنَفْسِيْنِ بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ
تُفْلِحُونَ.

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Di kesempatan berada pada hari Jumaat yang terakhir di bulan Sya'ban ini, saya berpesan kepada diri saya sendiri dan kepada sidang Jumaat sekalian, marilah sama-sama kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita memperolehi keberkatan dan keredaan serta perlindungan Allah SWT di dunia dan di akhirat. Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk: “**TETAMU MULIA BERKUNJUNG TIBA**”.

MUSLIMIN YANG DIKASIHI ALLAH SEKALIAN,

Alhamdulillah kita lafazkan syukur kehadrat Allah SWT kerana masih diberikan peluang bakal bertemu tetamu agung iaitu bulan Ramadan al-Mubarak. Bulan yang diberkati akan segala amal kebaikan, bulan rahmat, bulan keampunan dan bulan pelepasan daripada api neraka. Pelbagai keistimewaan dikurniakan oleh Allah SWT dengan gandaan pahala kebajikan, diangkat darjah dan dihapuskan dosa. Di bulan ini juga, Allah SWT memfardukan umatnya berpuasa. Perintah ini dirakamkan melalui firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 183:

() يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿١٨﴾

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman! Kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang yang terdahulu daripada kamu, supaya kamu bertakwa.”

MUSLIMIN YANG MERINDUKAN RAMADAN SEKALIAN,

Setiap kali Ramadan berkunjung tiba, baginda SAW acapkali berpesan kepada para sahabat dengan menekankan agar mereka lebih bersedia menyambutnya dengan penuh ketaatan dan merebut peluang yang dijanjikan oleh Allah SWT. Rasulullah SAW mentarbiah umatnya untuk menantikan kehadiran bulan Ramadan dan mengharapkan ketibaanya dengan penuh kegembiraan. Al-Bukhari meriwayatkan sebuah hadis daripada Abu Hurairah, Rasulullah SAW bersabda :

إِذَا دَخَلَ رَمَضَانُ فُتِّحْتُ أَبْوَابُ الْجَنَّةِ، وَغُلِقَتْ أَبْوَابُ جَهَنَّمَ وَسُلْسِلَتِ الشَّيَاطِينُ

Maksudnya: “Apabila masuknya bulan Ramadan, terbukalah pintu-pintu syurga, tertutuplah pintu-pintu neraka, dan dirantailah syaitan-syaitan.”[Riwayat al-Bukhari (3277)]

Di dalam hadis yang lain juga ada menyebut, sepetimana yang diriwayatkan oleh Ahmad di dalam musnadnya, daripada Talhah bin Ubaidillah RA, Rasulullah SAW berdoa apabila melihat anak bulan ramadan.

اللَّهُمَّ أَهِلْلَهُ عَلَيْنَا بِالْيُمْنِ وَالْإِيمَانِ، وَالسَّلَامَةِ وَالْإِسْلَامِ، رَبِّي وَرَبِّكَ اللَّهُ

Maksudnya: “Ya Allah, naungilah kami dengan keamanan dan keimanan serta keberkatan, keselamatan dan kesejahteraan Tuhanmu dan tuhanmu adalah Allah.” [Riwayat Ahmad (1397)]

Persoalannya, bagaimanakah persediaan kita menyambut tetamu mulia yang bakal berkunjung tiba?. Mimbar yang mulia ini ingin menyatakan bahawa sebenarnya

terlalu banyak persediaan yang patut kita lakukan menjelang Ramadan. Antaranya ialah:

Pertama: Membetulkan niat dan azam sebelum memasuki bulan mulia ini. Niat dan azam hendaklah semata-mata untuk mengabdikan diri kepada Allah SWT. Berazamlah untuk menjadikan bulan Ramadan kali ini satu bulan yang terbaik untuk diri kita.

Kedua: Memantapkan ilmu agama. Ramai orang yang berpuasa tanpa ilmu di dada, apa yang dikhuatiri ialah ibadah yang diharapkan dapat menjana pahala, namun sebaliknya. Ilmu dapat diperolehi antaranya dengan cara membaca hadis-hadis yang menceritakan tentang kelebihan bulan Ramadan dan menghadiri kuliah-kuliah agama. Hal ini amatlah penting untuk mendapat kesempurnaan ibadah puasa selari dengan ungkapan beramat dengan ilmu.

Ketiga: Tidak lalai untuk menunaikan zakat dan memperbanyak sedekah. Rasulullah SAW merupakan seorang yang paling dermawan lebih-lebih lagi di bulan Ramadan. Hal ini diceritakan oleh Ibnu Abbas RA: "*Rasulullah SAW ialah orang yang paling dermawan. Dan beliau lebih dermawan lagi di bulan Ramadan di saat beliau bertemu Jibril. Jibril menemuinya setiap malam untuk mengajarkan Al- Quran. Dan kedermawanan Rasulullah SAW melebihi angin yang berhembus.*" (Riwayat al-Bukhari).

Keempat: Menjaga dan memelihara kesihatan dan keselamatan diri dan keluarga. Kesihatan tubuh badan yang sempurna menjamin kesempurnaan ibadah puasa. Kecerdasan seluruh anggota badan diperlukan kerana pada bulan Ramadan tubuh badan memerlukan tenaga bagi melaksanakan segala amalan seperti solat sunat tarawih, qiamullail, membaca al-Quran, iktikaf dan sebagainya.

Manakala aspek keselamatan pula, kita dinasihatkan agar sentiasa berwaspada dan peka dengan persekitaran. Justeru, keselamatan diri dan keluarga ketika keluar menunaikan ibadah sepanjang bulan Ramadan, contohnya ketika pergi menunaikan solat tarawih mahupun bersilaturahim turut diberikan perhatian. Perlu diingat, menjaga keselamatan adalah salah satu tuntutan di dalam agama.

Bersempena dengan Peringatan Hari Ulang Tahun ESSCOM yang ke-9 pada tahun ini yang disambut pada 1 April setiap tahun, mimbar mengambil kesempatan menyeru, marilah kita sama-sama menggembungkan tenaga dan daya mendokong

usaha ESSCOM untuk mencapai visi dan misi demi memastikan keselamatan, keamanan, kesejahteraan dan kemakmuran diri, keluarga maupun negeri kita terpelihara sepanjang masa. Sewajarnya kita turut menyampaikan penghargaan dan terima kasih di atas komitmen semua anggota keselamatan khususnya pihak ESSCOM yang telah melaksanakan tugas dan Amanah demi menjamin keselamatan negara terus terpelihara.

MUSLIMIN YANG DIKASIHI ALLAH SEKALIAN,

Sebagai kesimpulan, mimbar menyeru marilah kita sama-sama menyambut kehadiran Ramadan kali ini dengan penuh ketakwaan dan membuat persiapan dengan sebaik mungkin. Ambillah kesempatan apa yang telah Allah SWT janjikan sepanjang *syahru al-Mubarak* dengan menjana kekuatan jati diri kita untuk beribadat kepada-Nya.

Bulan barakah ini merupakan anugerah Allah SWT kepada hamba-Nya yang hanya datang setahun sekali. Penuhilah ruang dan masa dengan melakukan perkara-perkara kebaikan. Rebutlah peluang yang diberikan agar beroleh rahmat kehidupan yang baik sepetimana di dalam firman Allah SWT dalam surah an-Nahl ayat 97:

مَنْ عَمِلَ صَالِحًا مِنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَى وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَنُحْيِيهِ حَيَاةً طَيِّبَةً وَلَنَجْزِيَنَّهُمْ أَجْرَهُمْ
بِأَحْسَنِ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿٩٧﴾

Maksudnya: “Sesiapa yang beramal soleh, dari lelaki atau perempuan sedang ia beriman, maka sungguh Kami akan menghidupkan dia dengan kehidupan yang baik; dan sesungguhnya Kami akan membala mereka, dengan pahala yang lebih baik dari apa yang mereka telah kerjakan”.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقُتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَاسْتَغْفِرُ اللَّهَ
الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَابِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

تیک س خطبة کدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدِنَا النَّبِيِّ الْأَمِيِّ، وَعَلَى
آلِهِ وَاصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ ، إِتَّقُوا اللَّهَ حَقًّا ثُقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ
، أَمْرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى :

إِنَّ اللَّهَ وَمَلِئَكَتَهُ وَيُصَلُّونَ عَلَى الْتَّبِيِّ يَا يَاهَا الَّذِينَ مَاءَمُنُوا صَلَوَا عَلَيْهِ وَسَلَّمُوا تَسْلِيمًا ۝
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ حَمِيدٌ.
اللَّهُمَّ ارْضَ عَنِ الْخُلُفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقَرَابَةِ أَجْمَعِينَ وَعَنِ التَّائِبِينَ
وَتَائِبِي التَّائِبِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ
الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَةَ وَالْهِدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَى مَلِكِنَا
کباوه دولي یع مها موليا سري ڦوک بکيندا یع ڊفروان اڳوڻ وَفَحَامَةِ الرَّئِيسِ
الأَغْلَى توان یع تراوتام یع ڊفرونا نکري سابه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلْدَةُ وَسَائِرَ
بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُطْمَئِنَةً، إِنَّكَ رَءُوفٌ رَّحِيمٌ، اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

اللَّهُمَّ ادْفِعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمَحَنَ وَالْفِتَنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا
بَطَنَ، مِنْ بَلْدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بَلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ
قَدِيرٌ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالجُنُونِ، وَالجُذَامِ، وَمِنْ سَيِّئَاتِ الأَسْقَامِ، يَا
أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah! Naungilah kehidupan kami dengan kesejahteraan, keamanan, keselamatan serta kurniakanlah kepada kami rezeki yang halal lagi diberkati. Jauhilah kami daripada perbuatan rasuah dan salah guna kuasa kerana ini adalah suatu pengkhianatan kepada amanah yang diberikan. Jadikanlah kami ummah yang berkualiti dan berintegriti demi mencapai *Baldatun Tayyibah Wa Rabbun Ghafur* (بَلْدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبٌّ غَفُورٌ)

Ya Allah, Jadikanlah kami dan daripada keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, mengerjakan ibadah haji, berpuasa di bulan Ramadan, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redhai. Sesungguhnya hanya kepadaMu jua Ya Allah tempat Kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقَنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٦﴾
فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاسْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدُّ كُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedar oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA: Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi
Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah
Tingkat 4, Blok A, Wisma MUIS
88737 KOTA KINABALU.



Pihak JHEAINS berusaha untuk mempertingkat kualiti khutbah Jumaat yang diterbitkan. Maklum balas dari pihak tuan/ puan amat dihargai. Sila semak QR code ini. Sekian, terima kasih.